

82 pelajar cemerlang diraikan

► Terima Anugerah Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik 2017

UB 28-4-2017 B10

LABUAN: Seramai 82 pelajar cemerlang telah menerima Anugerah Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) 2017 yang diadakan di Dewan Theatrette, UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Rabu lalu.

Mereka merupakan pelajar cemerlang yang mendapat

“Bukan senang untuk mendapatkan keputusan 3.5 PNGS. Justeru, pelajar perlu terus mengekalkan kecemerlangan dan bersedia bersaing dengan dunia tanpa sempadan ini.”

PROF MADYA DR AG ASRI AG IBRAHIM
Dekan FKI UMS

keputusan 3.5 ke atas dalam Purata Nilai Gred Semester (PNGS) pada tahun ini.

Majlis penyampaian anugerah disempurnakan oleh Dekan FKI UMS Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim.

Turut hadir, Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar Dr Zamhar Iswandono Awang Ismail, Ketua Program Teknologi Multimedia (HE12) Dr Carolyn Salimun dan Ketua Program E-Dagang (HE13) Dr Joe Henry Obit.

Majlis yang bermula jam 2 petang itu dimeriahkan dengan persembahan nyanyian oleh pelajar FKI.



AG Asri (berdiri, 4 kiri) bersama penerima Anugerah Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) 2017.



PENSYARAH merakam gambar kenangan bersama Ag Asri (tengah).



PELAJAR cemerlang menunjukkan sijil yang diterima daripada Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik.

Dalam ucapannya, Ag Asri mengingatkan pelajar FKI cabaran dalam bidang kerjaya semakin mencabar yang memerlukan mereka tidak boleh leka walaupun memiliki keputusan yang cemerlang dalam akademik.

Katanya di samping kepu-

tusan cemerlang, pelajar seharusnya mempunyai pelbagai kemahiran termasuk komunikasi dan mampu bersaing dengan orang lain yang juga mempunyai kebolehan yang serupa.

Beliau berkata keputusan cemerlang dalam peperiksaan

bukanlah jaminan kejayaan berikutan perkembangan pesat dalam bidang teknologi maklumat.

“Bukan senang untuk mendapatkan keputusan 3.5 PNGS. Justeru, pelajar perlu terus mengekalkan kecemerlangan dan bersedia bersaing

dengan dunia tanpa sempadan ini,” katanya.

Ag Asri berkata universiti hanyalah tempat untuk berfikir sepanjang tempoh pengajian mereka dan ianya akan terhenti selepas mereka menamatkan pengajian kelak.



PENOLONG Pendaftar Kanan FKI Sharifah Ismail (duduk, kiri) bersama AJK Pelaksana Majlis Anugerah Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik.



AG Asri menyampaikan Anugerah Dekan kepada pelajar cemerlang sambil diperhatikan Zamhar (kiri), Joe Henry dan Carolyn (kanan).